



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KKR TINJAU PROJEK INFRASTRUKTUR DI ALOR GAJAH, MELAKA PASTIKAN MANFAAT KEPADA RAKYAT TERUS DIPERKASA

ALOR GAJAH, MELAKA – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, telah turun padang bersama pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Alor Gajah, Melaka bagi meninjau pelaksanaan projek pembangunan serta menilai penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

2. Lawatan ini selaras komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan jalan, jambatan, bangunan awam dan fasiliti pendidikan dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

3. JKR Daerah Alor Gajah memaklumkan bahawa skop penyelenggaraan meliputi 10 laluan Jalan Persekutuan sepanjang 108.81km, Jalan Utama Negeri sepanjang 214.007km serta Jalan Sekunder Negeri sepanjang 174.403km. Skop penyelenggaraan merangkumi kerja-kerja rutin dan berkala bagi jalan berturap dan tidak berturap, saluran, pembentung serta cerun.

4. Sehingga Julai 2026, sebanyak RM6.82 juta telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan, termasuk kerja-kerja pembaikan jalan, penyelenggaraan sistem perparitan, mengecat semula garisan jalan serta membaik pulih jambatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM750 ribu diperuntukkan bagi rawatan di lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan sebagai komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan laluan Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selesa dan selamat kepada pengguna jalan raya.

5. Pada masa yang sama, satu (1) Projek Naik Taraf Jalan Persekutuan, iaitu Projek Naik Taraf Jalan dari Bulatan Tol Simpang Ampat (Seksyen 62.50) ke Lebuhraya AMJ (Seksyen 61.90) (FT019) dengan kos siling sebanyak RM30.0 juta, sedang dilaksanakan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan satu (1) projek bagi menangani kawasan hotspot banjir di bawah RMKe-13 Rolling Plan 1, iaitu Projek Naik Taraf Crossing Culvert Seksyen 270.20 hingga 271.00, Jalan FT005 Lubok China, Alor Gajah, dengan kos siling sebanyak RM3.0 juta. Projek tersebut kini berada di peringkat reka bentuk.

6. Sebanyak lima (5) Projek Bangunan Persekutuan bernilai RM22.6 juta sedang dilaksanakan oleh JKR Daerah Alor Gajah, melibatkan Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah Kebangsaan Kuala Linggi, Pembinaan Bangunan Gantian Kantin di Sekolah Ramuan Cina Besar, Membina dan Menyiapkan Masjid Lesung Batu serta Menaik Taraf Kemudahan Latihan bagi Jabatan Hospitaliti di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah.

7. Projek Bangunan Persekutuan yang sedang dilaksanakan oleh JKR Daerah Alor Gajah turut merangkumi Pembinaan Bilik Darjah Tambahan Tahun 1 Sesi 2027 di bawah Program Cakna Madani, yang melibatkan 14 buah sekolah di Daerah Alor Gajah dengan jumlah kos projek sebanyak RM12.05 juta. Selain itu, JKR Daerah Alor Gajah turut melaksanakan Program Pembinaan Baharu Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung (DSTB) dan Gelanggang Serbaguna Terbuka Berbumbung di dua (2) buah sekolah, dengan nilai projek sebanyak RM1.83 juta.

8. Sebanyak RM5.1 juta turut diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Bangunan Persekutuan yang melibatkan agensi pelanggan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

9. KKR kekal komited memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti, serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi setempat.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
6 OGOS 2026

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni